

Qalam

KDN 434

152, Shawwal 1382, Mac 1963, 60 sen

Darihal Kita

Al-hamduli 'Lāh, dengan masuknya bulan Ramaḍān dan

Hari Raya ini maka genaplah usia majalah ini 13 tahun iaitu dari keluarannya yang pertama pada bulan Shawwal tahun 1369 Hijrah dan genaplah pula pada saat itu akan usia penerbitan Qalam selama 15 tahun.

Di dalam masa yang panjang itu Qalam, majalahnya dan penerbitannya, telah merasai beberapa kesulitan dan kepayahan dan demikian juga telah merasai pula nikmat-nikmat yang diberi Tuhan kepadanya.

Di dalam perkembangannya, dari masa diterbitkannya hingga sekarang maka dasarnya tidak pernah diubah iaitu mendirikan yang haq, yang difikirkannya haq membela umum terutamanya di dalam perkara-perkara yang mengenai agama.

Al-hamduli 'Lāh, dengan taufiq dan hidayahNya, Qalam terus menerus menjalankan khidmat ini di dalam apa jua yang mengenai agama. *al-hamduli 'Lāh* selama itu, walaupun menghadapi berbagai-bagai rintangan majalah itu terus berjalan.

Kemahuannya dalam meneruskan dasar-dasarnya adalah semata-mata didapati dengan bantuan dan kerjasama sekalian pembaca-pembaca, pembantu-pembantunya, penulis-penulisnya, dan kakitangan-kakitangannya yang menumpukan khidmatnya kepadanya.

Juga kita tidak dapat melupakan akan jasa-jasa almarhum Ustaz Hasyim Yunus, A. Osman Kalam, al-Shaykh

Mohammad Shazali Othman Sarawak, al-Sayyid Abdullah bin Shaykh bil Faqih, Dato' Mufti Johor al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad dan lain-lainnya yang dalam masa hayat mereka selalu memberi petunjuk di dalam soal agama.

Demikian juga kepada kakitangan-kakitangannya, terutamanya di dalam Jabatan Karang Mengarang Penerbitan Qalam yang telah lalu, di antaranya encik-encik Ahmad bin Hasban, Nuruddin bin Abdul Rahman, al-Sayyid Hussain bin Ali al-Saqqaf, al-Sayyid Jaafar Albar, al-Shaykh Abdullah bin Muhammad Basmeh, Jimi Asmara dan lain-lainnya.

Kepada pembantu-pembantunya yang telah memberikan bantuannya dalam masa-masa yang lalu tidaklah kita dapat lupakannya terutamanya kepada yang dihormati Dato' Doktor Za'ba dan almarhum A. Adnan bin Ariffin, almarhum Haji Musa bin Yusuf (Pak Lomak) dan lain-lainnya.

Dengan bantuan tenaga inilah semuanya majalah Qalam dan penerbitan Qalam dapat terkenal dan hidup hingga sekarang. Kepada khidmat-khidmat semuanya, adalah kita berasa terhutang budi dan berharap Allah akan membalaskan jasa mereka dengan sebaik-baik balasan – Amin.

Mudah-mudahan penerbitan Qalam dan majalah Qalam akan terus menerus berjalan mendapatkan pembacanya dan dapat meneruskan khidmatnya terutamanya di dalam perkara mengenai agama Islam dan perkembangannya adanya.

Hari Raya Aidil Fitri 1382 H

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa Lillah al-Ḥamd

Telah hampir-hampir 1400 tahun lamanya, kita umat Islam menghadapi bulan Mubarak, bulan yang berbahagia ini dengan ucapan syukur dan tahmid memuji kebesaran Allah.

Sebelumnya, menyambut Aidil Fitri ini, kita telah berpuasa, sebulan lamanya di dalam bulan Ramaḍān, yang diturunkan di dalamnya al-Qur'ān yang mulia, sebagai panduan hidup kepada manusia dan XXX XXX.

Allāhu Akbar! Ayat yang pertama yang diturunkan Allah sebagai ayat yang permulaan mengajar dan memberi pertunjuk kepada manusia ialah empat potong ayat, empat potong ayat yang ada pertalian di antara satu dengan lainnya. Ayat itu sangat ringkas, tetapi dalam dan jauh tujuannya.

Allāhu Akbar! Tuhan Seru Sekalian Alam berfirman kepada Nabi Muhammad pertama-tama kalinya sebagai tauliah menjadikannya Rasul hanya dengan empat ayat pertama, *Iqra' bismi rabbika al-ladhī khalaq, khalaq insāna min 'alaq. Iqra' wa Rabbuk al-akram al-ladhī 'āllama bi al-Qalam, 'āllaqa' al-insāna mā lam ya 'lam.*

Maksudnya: Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menjadikan; Ia telah jadikan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, kerana Tuhanmu Yang Amat Mulia, yang mengajar dengan (perantaraan) qalam (pena), dan Ia ajar manusia apa yang mereka tidak tahu!"

Allāhu Akbar! Empat ayat yang ringkas ini adalah mengandungi erti yang besar. Empat ayat ini boleh dibahagikan kepada dua – pertama sebagai punca kejadian manusia, yang kedua bagaimana manusia itu dipimpin dan diajar, diberi pertunjuk.

Di dalam al-Qur'an terang dijelaskan bahawa sesudah Allah menjadikan Adam dari tanah yang kering, kemudian menjadikan Hawa dari rusuknya maka Allah menurunkan zuriat manusia setitik air (mani), kemudian menjadikannya seketul darah, lalu menjadikan pula tulang yang diliputi oleh daging – dan tumbuhlah ia di rahim ibunya dengan menghirup darah sebagai makanannya sehingga ia diberi roh dan kemudian keluar ke dunia menjadi kanak-kanak yang bersih jiwanya, dan sesudah itulah Allah akan mengajar manusia dengan qalam kepada apa yang mereka tidak ketahui supaya mereka terpimpin untuk dunia dan akhiratnya.

Allāhu Akbar! Di dalam masa lagi kecil, atau lagi menjadi seketul darah, manusia ini hidup di dalamnya bertemu buku dengan ruas, XXX dan mengalir, dan

dengan darah itulah pula ia berkembang hingga membesar, kemudian bersifat dan kemudian ditiupkan roh kepadanya sebelum ia melihat dunia maka memakanlah ia makanan yang berasal daripada darah – dan daripada darah yang mengalir dan bergerak, subur pula roh yang baharu masuk itu ke dalam tubuhnya – yang bermakna bahawa roh dan darah itu ada pertaliannya.

Allāhu Akbar! Kebersihan asal makanan yang menjadi darah kepada ibu yang mengandung itu adalah sangat mustahak diperhatikan kerana dengan sendirinya akan membawa pula kepada roh anak yang dikandungnya. Barang-barang yang haram, yang ditegah Allah adalah mesti dijauhi sebab dengan sendirinya akan membawa kepada perubahan roh yang akan membawa perangai-perangai yang tidak baik kepada diri kanak-kanak yang akan dizahirkan ke dunia itu.

Allāhu Akbar! Sebab itulah orang-orang yang soleh dan taqwa kepada Allah sangat menjaga makanannya, bukannya zat atau dari mana makanan yang hendak dimakannya tetapi juga asal makanan itu – daripada punca-punca halalkah (bersih) atau haram (kotor) kerana mereka mengetahui bahawa zat makanan itu sendiri kelak akan dengan sendirinya membawa kepada kebersihan roh mereka. Keburukan barang yang dimakan, sama ada asal atau bendanya, dengan sendirinya membawa perubahan kebersihan roh dan jiwa orang yang memakannya sama ada oleh ibu yang mengandung dan atau oleh diri orang itu sendiri.

Diriwayatkan, pada suatu hari khadam Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq membawa balik suatu makanan². Pada masa itu Saiyidina Abu Bakar tersangat lapar. Dengan tidak bertanya lebih dahulu kepada khadamnya maka beliau terus memakan makanan itu. Sesudah makan baharulah beliau bertanya kepada khadamnya dari mana makanan itu dibawanya. Khadamnya menerangkan bahawa makanan itu daripada kenduri orang Jahiliyyah. Mendengar itu Saiyidina Abu Bakar terus mencekuk tekaknya untuk mengeluarkan makanan tersebut sehingga semua makanan itu keluar sesudah dinasihatkan supaya beliau meminum banyak-banyak air.

¹ Perkataan sebenarnya ialah *'allama*.

² Perkataan sebenar ialah, makanan.

Apakah makanan yang telah dimuntahkan oleh Saiyidina Abu Bakar itu telah bertukar rupa menjadi darah yang keluar berbuku-buku dan dengan agak kemarahan beliau pun berkata: Saya dengar Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* mengatakan “Tiap-tiap daging yang terbit dari benda haram maka api neraka itu lebih utama daripadanya.”

Allāhu Akbar! Ini adalah suatu gambaran bahawa makanan itu adalah membawa kesucian jiwa seseorang. Makanan yang kotor dengan sendirinya akan mengotorkan kebersihan dan kesucian jiwa yang memakannya. Sebab itu Allah memberi pertunjuk supaya tiap-tiap seorang yang patuh dan menerima pertunjuk Allah yang disampaikan oleh RasulNya Muḥammad (SAW) hendaklah memakan makanan yang bersih daripada zatnya dan asalnya dan menjauhkan memakan barang-barang yang tidak suci pada zat dan asalnya.

Allāhu Akbar! Kanak-kanak yang di dalam rahim itu, darahnya beredar di dalam tubuhnya di dalam rahim ibunya, di dapatnya daripada makanan ibunya yang menjadi darah dan daripada darah itulah menjadi makanannya. Sesudah ia keluar ke dunia maka daripada makanan itulah pula menjadi darah yang beredar di dalam tubuhnya sehingga ia besar menjadi muda remaja. Lagi muda lagi sudah sudah tentunya darahnya kuat dan di dalam darah yang kuat itulah pula hidup keazaman jiwa yang kuat kuat menghadapi sesuatu.

Allāhu Akbar! Telah lazim kepada manusia, apabila telah merasa dirinya (badan dan jiwa) kuat maka datanglah takbur dan angkuhnya – menunjukkan kekuatan badannya sehingga setengah-setengahnya melupakan sama sekali asal kejadian dirinya. Dengan darah yang masih panas setengah-setengahnya berkata aku yang kuat, aku boleh membuat apa kesukaanku. Mereka melupakan sama sekali bahawa darahnya yang panas itu akan sejuk dan akan habis keluar daripada badannya. Mereka melupakan sama sekali bahawa darah itu akan habis daripada tubuhnya dan dengan sendirinya rohnyanya akan keluar daripada sarungnya, badannya, dan tertinggallah tubuhnya yang tidak berharga, tertinggallah ia seperti bangkai. Walau raja, walau miskin semuanya akan menghadapi kejadian itu. Ia

melupakan sekiranya tubuhnya, walau pun ia sebesar-besar raja, kalau ditinggalkan orang di tepi jalan atau rumah selama berminggu-minggu, tidak ada orang yang sudi melihatnya dan memandangnya kerana ia telah dikerumuni ulat dan segala-galanya bahkan ia akan menjadi wabak penyakit yang berbahaya.

Allāhu Akbar! Bagi orang yang berfikir, melihat awal kejadian dan kesudahan hidupnya tentulah mengetahui, apakah yang tinggal kepada dirinya dan sebutan-sebutan di atasnya. Kalau ia berbuat kejahatan maka bukannya sahaja dirinya dikutuk dan dilaknat tetapi juga ibu dan bapanya yang tidak bersalah akan disebut-sebut orang. Sebab itu hendaklah tiap-tiap seorang berfikir dan memikirkan kerana apakah darah yang mengalir ditubuhnya yang membesarkan kejadiannya daripada seketul darah itu digunakannya. Ia wajib bertanya kepada dirinya: “Apakah ia telah memandikan darahnya untuk berjihad kepada jalan Allah? Adakah ia telah mengalirkan darahnya untuk kesucian dan ketinggian agamanya atau kerana menentang agamanya? Adakah ia memelihara pengaliran dan kesucian darahnya?”

Allāhu Akbar! Allah menghendaki manusia berjihad kepada jalan membela agama dengan lebih dahulu dengan hartanya yang dicarinya dengan jalan halal dan dikorbankannya untuk jalan Allah. Kemudian, jika tidak mampan dengan itu, kalau perlu dengan dirinya dan akhirnya kalau perlu hendaklah dimandikan dengan darahnya yang mengalir di dalam tubuhnya. Tuhan akan melimpahkan nikmatnya kepada mereka-mereka yang menumpahkan darahnya berperang pada jalan Allah dengan meneruskan hidup untuk selama-lamanya. Allah memandangnya sebagai orang yang terus menerus hidup sehingga Hari Perkiraan tetapi Allah akan mengutuk dan mengazab orang-orang yang terus menerus melawan dan menentang agama Allah.

Allāhu Akbar! Sesudah kita mengetahui harga dan kedudukan kesudahan hidup kita maka hendaklah kita memikirkan kerana apakah kita dihidupkan, ke mana kita pergi dan ke mana kita di bawa. Insafilah dan renunglah perjalanan hidup kita dan insafilah kepada kejadian diri kita, *Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa Lillah āl-Hamd min al-‘ā‘idin al-fā‘izin al-maqbūlin.*